

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah awal untuk menggerakkan jentera menghadapi banjir pada masa yang akan datang supaya mangsa banjir dapat ditangani dengan lebih cepat dan sempurna.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Koordinasi tindak balas pengurusan bencana telah dilaksanakan lebih awal daripada jangkaan bencana banjir musim tengkujuh pada setiap tahun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat ini diadakan sebagai langkah persediaan awal bagi menyelaraskan persediaan di peringkat agensi dalam menghadapi bencana di setiap peringkat pentadbiran iaitu di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah. Kesemua perancangan ini dilaksanakan berpandukan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012).

Antara maklumat persediaan yang dilaporkan ialah jangkaan episod hujan lebat oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia); laporan penambahbaikan sistem amaran awal banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); dan laporan penambahbaikan sistem pengurusan pusat pemindahan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Susulan dari kejadian banjir besar di Kuantan dan Kemaman pada Disember 2013 yang lalu, Jemaah Menteri pada 11 Disember 2013 telah mengarahkan supaya Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir yang diterbitkan pada tahun 2001 dikaji serta dimantapkan bersesuaian dengan pengendalian bencana banjir masa kini. Untuk makluman Dewan, PTO Pengendalian Bencana Banjir

tersebut berada dalam peringkat akhir penyediaan dan akan diterbitkan dalam masa terdekat.

Walau bagaimanapun, sementara PTO Pengendalian Bencana Banjir tersebut menjalani proses semakan semula, MKN, JPM pada masa yang sama telah mengeluarkan PTO Tindakbalas Menghadapi Bencana Banjir untuk rujukan semua Jabatan/Agensi. PTO Tindakbalas ini dikeluarkan sebagai dokumen interim bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab Jabatan/Agensi untuk mengendalikan bencana banjir sehingga ke peringkat ekstrem.

Sekian. Terima kasih.